

Halimah gesa beri cuti jaga warga tua

SPEAKER Parlimen, Cik Halimah Yacob, menggesa Pemerintah supaya mewajibkan majikan memberi cuti menjaga keluarga atau warga senja kepada semua pekerja.

Ini, katanya, akan memberi isyarat jelas kepada majikan tentang keperluan yang semakin meningkat untuk menyokong pekerja yang perlu menjaga anggota keluarga sakit atau kurang upaya.

“Jika cuti menjaga keluarga atau warga senja dapat dijadikan undang-undang, ia amat membantu keluarga kerana penjagaan warga senja kurang upaya semakin menjadi cabaran kepada keseimbangan kerja-kehidupan,” kata Cik Halimah.

Bahkan, kata beliau, itu ini perlu ditekankan kerana Singapura kian menjadi sebuah negara menua.

Kini lebih seorang penduduk Singapura berusia 65 tahun ke atas bagi setiap sembilan penduduk, naik daripada sekitar satu bagi setiap 13 penduduk pada 2002.

Satu tinjauan Kementerian Kesihatan (MOH) pada 2010 menunjukkan bahawa 8.1 peratus penduduk Singapura berusia antara 18 dengan 69 tahun, atau sekitar 210,000 orang memberi penjagaan tetap kepada anggota keluarga sakit atau kurang upaya.

Meskipun begitu, pemberian cuti bagi menyokong pekerja tersebut masih dilihat majikan sebagai satu pilihan dan bukan satu keperluan, kata Cik Halimah semasa berucapan di ceramah ketujuh Persatuan Kanak-Kanak Singapura (SCS) di Universiti Pengurusan Singapura (SMU), kelmarin.

Gesaan beliau itu salah satu daripada tiga saranan yang boleh dilakukan Singapura dalam usaha negara ini menangani cabaran yang dihadapi keluarga dalam mengimbangi dwiperanan sebagai pencari rezeki dan penjaga rumah tangga.

Saranan kedua ialah memperkuuh mesej awam tentang dwiperanan keluarga agar ia lebih menyen-

luruh, merangkumi semua jenis keluarga, bukan yang mempunyai tanggungjawab menjaga anak-anak sahaja, tetapi juga golongan pencari nafkah bujang yang menjaga ibu bapa uzur atau adik-beradik cacat.

Saranan ketiga ialah mengajak badan kebajikan sukarela memainkan peranan bagi lebih menggalak perkongsian tanggungjawab keibubapaan antara ibu dan bapa.

“Menangani cabaran ini secara berkesan memerlukan usaha yang dapat diselaraskan dan bersepada di peringkat dasar, serta di peringkat yang mengubah sikap dan minda masyarakat terhadap peranan lelaki dan wanita, terutama dalam tanggungjawab penjagaan.

“Kita juga perlu sedar tiada satu huraian yang sesuai bagi semua, sesuatu yang sering kita cari, kerana masalahnya rumit dan berbilang segi. Keluarga yang berbeza terjejas secara berbeza, dan ia juga bergantung pada pendapatan keluarga mereka,” kata Cik Halimah.